



**Wabak:
Hikmah Dan Bagaimana Menghadapinya?
(Bahagian Pertama)**

(Dengan nama Allah, Segala puji bagi Allah, Selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)

Pernah pada beberapa ketika dunia digemparkan dengan beberapa jenis wabak penyakit yang sangat merbahaya dan menular sehingga membawa maut yang mana wabak ini telah melanda kawasan di beberapa buah negara. Di antaranya wabak SARS atau dikenali sebagai Sindrom Pernafasan Akut Teruk. Ia merupakan penyakit pernafasan berjangkit (atypical pneumonia) yang tidak diketahui sebabnya.

Demikian juga, wabak selesema burung (Avian Influenza). Ia juga merupakan sejenis penyakit berjangkit di kalangan burung-burung seperti ayam, itik dan burung liar, yang disebabkan oleh virus (Influenza type A). Penyakit ini pertama kali dilaporkan menjangkiti manusia pada tahun 1997 di Hongkong, kemudian pada tahun 2003 berlaku di negara-negara seperti Vietnam, Thailand, Kemboja dan Indonesia.

Kini dunia dikejutkan pula oleh satu lagi wabak penyakit yang sangat dikhuatiri iaitu wabak selesema babi atau wabak influenza A (H1N1).

Penyakit selesema babi adalah sejenis penyakit yang menjejaskan sistem pernafasan yang lazimnya menjangkiti haiwan khususnya babi disebabkan oleh virus Influenza jenis A. Pada kebiasaannya wabak haiwan ini tidak menjangkiti manusia, tetapi satu jangkitan luar biasa melibatkan penyebaran penyakit ini daripada manusia kepada manusia telah disahkan oleh Pusat Kawalan Penyakit Amerika Syarikat dan Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO).

Selesema babi pada manusia boleh menjejaskan semua peringkat umur, mengenai tanda-tanda penyakit ini adalah serupa dengan demam selesema biasa seperti demam panas, sakit tekak, batuk selesema dan sakit pernafasan. Penyakit selesema terbaru ini dikatakan lebih mudarat berbanding selesema sebelumnya kerana ia menggabungkan virus burung, manusia dan babi dan setakat ini tidak terdapat vaksin bagi selesema ini.

Menurut laporan, setakat ini berpuluh buah negara yang terjejas dilanda wabak selesema babi ini antaranya ialah Mexico, California, Texas, Ohio, Kansas, New York (Amerika Syarikat), Sepanyol, Kanada, New Zealand, United Kingdom dan Israel.

Negara Brunei Darussalam sehingga kini *al-hamdulillah* tidak dijangkiti oleh wabak-wabak tersebut, namun sentiasa berusaha menangani wabak ini daripada dijangkiti. Langkah-langkah pencegahan dan menghindarinya giat dijalankan oleh pihak-pihak berkenaan. Bukan sahaja dari sudut penjagaan kesihatan dan alam sekitar, bahkan juga dengan mengadakan sembahyang hajat di masjid-masjid dan membaca doa khusus bagi memohon perlindungan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* supaya terhindar daripada dilanda wabak-wabak tersebut.

Persoalan yang ingin ditimbulkan dalam memperkatakan wabak yang melanda dunia kini ialah apakah pandangan Islam mengenai wabak? Dan bagaimanakah Islam mengajar umatnya cara menghadapi sesuatu wabak?

Pengertian Wabak

Wabak berasal daripada perkataan Arab iaitu *waba'*, yang bermaksud penyakit yang merebak (berjangkit).

Sebahagian ulama mengatakan bahawa wabak itu adalah penyakit taun.

Penyakit taun menurut Imam an-Nawawi *Rahimahullah* ialah kudis yang keluar daripada jasad sama ada di siku, ketiak, tangan, jari atau seluruh badan. Ia disertai dengan bengkak-bengkak dan kesakitan yang amat sangat. Ia keluar disertai dengan radang dan sekelilingnya menghitam atau menghijau atau memerah keunguan dan menyebabkan jantung berdebar-debar dan muntah-muntah.

Menurut sebahagian ulama lagi bahawa setiap penyakit taun itu adalah wabak dan bukan setiap wabak itu penyakit taun.

Maka berdasarkan pendapat-pendapat ini, dapatlah diambil pengertian bahawa wabak itu ada bermacam-macam jenis penyakit yang merebak mengikut peredaran waktu dan zaman. Apa jua jenis penyakit merbahaya dan menular ia diikategorikan sebagai wabak. Pendapat yang mengatakan bahawa wabak itu adalah penyakit taun, berkemungkinan wabak yang melanda mereka pada zaman atau ketika itu adalah penyakit taun.

Hikmah Ditimpakan Wabak

Wabak yang ditimpakan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada hamba-hambanya di muka bumi ini mempunyai hikmah dan tujuan di sebaliknya. Hikmah wabak taun yang melanda manusia adalah berupa azab dan hukuman dan pada saat yang sama ia juga merupakan rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atas mereka, tergantung ke atas siapa wabak itu diturunkan.

1. Wabak Sebagai Azab Dan Hukuman

Disebutkan di dalam beberapa hadits *Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam* bahawa wabak taun yang telah diturunkan Allah *Subhanahu wa Ta'ala* adalah merupakan azab atau hukuman ke atas orang-orang kafir dan orang-orang Islam yang melakukan maksiat sebagaimana yang berlaku kepada umat-umat terdahulu.

2. Wabak Sebagai Rahmat Dan Syahadah

Manakala bagi orang-orang yang beriman, wabak adalah merupakan rahmat dan *shahadah* (ganjaran mati syahid) daripada Allah *Subhanahu wa Ta'ala* kepada mereka.

Sabda *Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam* ketika Baginda ditanya oleh *Sayyidatuna 'A'isyah Radhiallahu 'anha* mengenai penyakit taun:

()

Maksudnya: “*Ia (penyakit taun) adalah azab yang diturunkan Allah ke atas sesiapa yang dikehendakiNya. Allah menjadikannya (penyakit taun) rahmat bagi orang-orang yang beriman. Tidak seorang pun daripada hamba yang berada di negeri sedang ada di dalamnya (penyakit taun) - dan dia tetap tinggal di negeri itu tanpa keluar daripadanya dalam keadaan sabar dan mengharap pahala daripada Allah dan dia tahu bahawa dia tidak akan menghidapinya (penyakit taun) kecuali apa yang Allah telah tulis baginya - melainkan baginya pahala seperti orang syahid.*”

(Hadits riwayat al-Bukhari)

Menurut kitab *Fath al-Bari*, maksud hadits “*ke atas sesiapa yang dikehendakiNya*” ialah orang kafir atau orang yang berbuat maksiat. Apabila wabak taun itu melanda orang kafir, ia adalah azab dan hukuman yang disegerakan ke atas mereka di dunia sebelum di akhirat.

Adapun jika wabak taun itu melanda orang Islam yang berbuat maksiat, maka ia adalah sebagai hukuman ke atas mereka disebabkan maksiat dan perbuatan dosa-dosa besar yang mereka lakukan. Ini termasuklah juga mereka yang tidak melakukan maksiat itu, kerana mereka tidak mengingkari atau melarang orang yang berbuat maksiat. Inilah di antara rahmat Allah *Subhanahu wa Ta'ala* ke atas umat Nabi Muhammad *Shallallahu 'alaihi wasallam* iaitu menyegerakan hukuman di dunia.

Bagaimana Menghadapi Wabak Menurut Ajaran Agama Islam?

Islam telah mengajar umatnya untuk melakukan beberapa perkara untuk diambil tindakan dan peringatan apabila mereka dilanda wabak. Perkara-perkara yang diajarkan oleh Islam sebagai garis panduan untuk kita orang-orang Islam dalam menghadapi wabak ialah:

1. Membaca Qunut nazilah

Umat Islam disunatkan untuk membaca qunut nazilah di dalam sembahyang lima waktu apabila berlaku perkara yang ditakuti dan memudharatkan umat Islam seperti; kemarau, diserang belalang, hujan yang merosakkan bangunan atau tanaman, takut kepada musuh seperti orang alim atau pahlawan yang dipenjara oleh musuh, dizalimi oleh orang-orang kafir dan termasuklah juga membacanya supaya dihindarkan oleh Allah *Subhanahu wa Ta'ala* daripada wabak.

2. Dilarang Masuk Ke Negara Yang Dilanda Wabak

Umat Islam dilarang daripada memasuki atau mendatangi kawasan yang dilanda wabak penyakit itu. Dalam hal ini Rasulullah *Shallallahu ‘alaihi wasallam* bersabda :

...

()

Maksudnya: “Maka sesiapa yang mengetahui berlakunya wabak di suatu tempat janganlah sekali-kali dia datang ke sana...”

(Hadits riwayat Muslim)

Hikmah Larangan

Hadits di atas melarang daripada masuk ke kawasan yang dilanda wabak taun, ini kerana jika seseorang itu masuk ke kawasan tersebut nescaya dia mencampakkan atau mendedahkan dirinya ke dalam kebinasaan, sedangkan Allah *Subhanahu wa Ta‘ala* melarang yang sedemikian itu. Firman Allah *Ta‘ala*:

وَلَا تُلْقُوا بِأَيْدِيكُمْ إِلَى التَّهْلُكَةِ

(195 :)

Tafsirnya: “Dan janganlah kamu senghaja mencampakkan diri kamu ke dalam bahaya kebinasaan.”

(Surah al-Baqarah: 195)

Hikmah larangan ini juga ialah supaya umat Islam mengambil langkah berjaga-jaga dalam menghadapi wabak daripada berlaku ke atas mereka terhadap perkara yang tidak diingini itu, sebagaimana yang diperintahkan dalam firman Allah *Ta'ala*:

يَتَأْتِيهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا خُذُوا حِذْرَكُمْ ...

(71 :)

Tafsirnya: “*Wahai orang-orang yang beriman, berwaspadalah dan berjaga-jagalalah (sebelum kamu menghadapi musuh)...*”

(Surah an-Nisa': 71)

bersambung